

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)2

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

2. Sejauh manakah Kerajaan Persekutuan akan membiayai projek penaiktarafan LTAPP dan pembinaan LRT?
 - (a) Huraikan status kedua-dua projek tersebut di atas.
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan jajaran LRT atau BRT dari Penang Sentral ke Nibong Tebal menggunakan model PTMP?
 - (c) Huraikan perancangan penggunaan keuntungan daripada projek tebus guna Silicon Island.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Projek Pembesaran LTAPP ini dianggarkan akan menelan belanja hampir RM1 bilion dan akan dibiayai oleh pihak Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) melalui mekanisme kewangan yang dipersetujui antara Kementerian Kewangan dan pihak MAHB. Manakala kos pembinaan LRT Pulau Pinang dianggarkan dalam lingkungan RM10 bilion ke RM13 bilion dan akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

(a) Status LTAPP:

Pihak MAHB juga telah mengadakan sesi perbincangan bersama pihak Kerajaan Negeri pada 6 Mac 2024 dan pihak MAHB telah membentangkan pelan Penaiktarafan dan Pembesaran LTAPP. Tender pra-kelayakan juga telah diiklankan di media massa pada 8 Mac 2024 untuk mengenal pasti kontraktor bersesuaian bagi melaksanakan projek ini. Kerja-kerja pembinaan dijangkakan akan bermula pada suku ketiga tahun 2024.

Status Projek LRT Pulau Pinang:

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan sebagai pemaju dan pemilik aset Projek LRT Pulau Pinang pada April 2024. MRT Corp telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan sebagai pemaju dan pemilik aset Projek LRT Pulau Pinang pada April 2024.

MRT Corp telah memulakan proses perolehan untuk projek ini dan Pemeriksaan Awam untuk Segmen 2 iaitu dari KOMTAR ke Penang Sentral akan dilaksanakan pada

suku keempat 2024. Pemeriksaan awam bagi jajaran dari Pulau Silikon ke KOMTAR tidak perlu dilaksanakan semula buat masa ini kerana ia adalah jajaran yang sama seperti yang telah ditentukan sebelum ini.

Setelah proses perolehan dimuktamadkan, kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada suku pertama tahun 2025. Pembukaan keseluruhan laluan dijangka akan mula beroperasi pada suku kedua tahun 2030.

- (b) Projek Penang Transport Master Plan (PTMP) merupakan strategi pengangkutan jangka masa panjang bagi negeri Pulau Pinang yang sedang dilaksanakan secara berfasa. Fasa utama pelaksanaan adalah melalui pelaksanaan Projek LRT Pulau Pinang Laluan Mutiara dari Pulau Silikon ke Penang Sentral melalui KOMTAR. Justeru, Laluan Permatang Tinggi ke Batu Kawan telah dicadangkan untuk menghubungkan kawasan perindustrian dan perumahan ke stesen KTM di Simpang Ampat dan Laluan Raja Uda-Bukit Mertajam; serta boleh dilanjutkan ke Seberang Jaya dan Nibong Tebal pada

masa hadapan mengikut keperluan seperti dalam perancangan PTMP. Jajaran dan sistem adalah tertakluk kepada semakan dan kajian pada masa pelaksanaan.

- (c) Apabila projek *Penang South Reclamation* (nama asal pembangunan *Silicon Island* yang terdahulu) dicadangkan, Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat menggunakan hasil jualan tanah tambakan tersebut untuk membiayai pelaksanaan pembangunan lain, khususnya komponen-komponen Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) lain.

Oleh itu, melalui pegangan Penang Infrastructure Corporation (PIC) dalam syarikat Silicon Island Development Sdn. Bhd (SIDSB), Kerajaan Negeri boleh menggunakan 30% keuntungan jualan tanah *Silicon Island* untuk membiayai pelaksanaan pembangunan lain pada masa hadapan. Namun begitu, kelulusan penggunaan keuntungan jualan tanah tersebut untuk pembiayaan projek di bawah PTMP akan diteliti lagi oleh Kerajaan Negeri kelak memandangkan *Silicon Island*

akan mengambil masa lebih kurang 10 tahun lagi sebelum tanahnya dijual sepenuhnya.